

ABSTRAK

Sejak kebelakangan ini, pembacaan puisi tradisional bahasa Cina menjadi semakin popular dalam kalangan masyarakat Cina di Malaysia. Puisi tradisional bahasa Cina yang berunsur falsafah telah terutama sekali dimasukkan ke dalam sukatan pelajaran bahasa Cina dari peringkat sekolah rendah hingga ke peringkat sekolah menengah. Namun begitu, ramai pelajar masih bermasalah untuk menguasai makna sebenar puisi tradisional kerana kesenian bahasa puisi yang banyak menggunakan metafora.

Kajian ini merupakan kajian deskriptif yang bertujuan untuk mengenalpasti jenis metafora dan faktor-faktor item leksikal tertentu yang digunakan di dalam puisi tradisional bahasa Cina yang berunsur falsafah. Sebanyak 122 item leksikal metafora telah dianalisis secara kualitatif dari 30 buah puisi tradisional bahasa Cina berunsur falsafah yang ditulis semasa Dinasti Tang dan Song.

Dalam kajian ini, makna denotasi dan makna metafora dibandingkan. Selain itu, penggolongan metafora dalam kajian ini adalah berdasarkan 3 jenis, iaitu penggolongan metafora berdasarkan struktur sintagmatik, penggolongan berdasarkan imej dan penggolongan berdasarkan konsep. Metafora dikaji dengan melihat ciri-ciri persamaan antara dua objek yang dibandingkan. Faktor-faktor lain termasuk konteks, metafora yang digunakan sebelumnya, konsep universal dan pengalaman serta budaya.

Kajian ini diharapkan dapat meningkatkan keyakinan dan minat pelajar terhadap penggunaan metafora dalam pembelajaran puisi tradisional bahasa Cina. Dengan itu, unsur-unsur falsafah yang tersirat dalam makna metafora puisi tradisional bahasa Cina dapat difahami dengan lebih berkesan. Unsur-unsur falsafah ini dapat menjadi pedoman

yang bernilai untuk membentuk sahsiah dan rohani peribadi demi pembangunan masyarakat dan negara.

ABSTRACT

In recent years, the reading of Chinese traditional poems has become more popular in the Chinese society in Malaysia. Traditional Chinese philosophical poems have even been incorporated into the Chinese language syllabus in primary as well as secondary schools. However, students still encounter difficulty in understanding the real meaning of the poems because of the artistic language of the poems which contain numerous metaphors.

This is a descriptive study which aims to identify the kinds of metaphor used and the reasons for using such metaphorical items in traditional Chinese philosophical poems. In this research, 122 lexical metaphors from 30 traditional Chinese philosophical poems which were written during the Tang and Song Dynasty were analyzed qualitatively.

In this research a comparison is made between the denotative and metaphorical meaning of the metaphor. The type of classification used in this research is based on the syntactical metaphorical structure, image metaphor and conceptual metaphor. The metaphors are analysed based on the similarity between the two objects being compared. The other factors include context, previous used of the metaphor, universal, experience concepts and culture.

It is hoped that this research will help increase students' confidence and enhance their interest in the study of metaphors in traditional Chinese poems. Therefore, the metaphorical meaning of traditional Chinese philosophical poems may be better understood and will aid in one's spiritual development for a better society and country.